**MAJLIS DAERAH PADANG TERAP**
**KUALA NERANG KEDAH**

# DOKUMEN
# REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
# UNTUK PERKHIDMATAN

**TAJUK:**

# TAWARAN MENYEWA, MENGURUS DAN MENYELENGGARA STADIUM MINI PADANG TERAP KUALA NERANG KEDAH DARUL AMAN

**NO. KOD DOKUMEN RFP : MDPT/PEN/PGR.MINI STADIUM.KN**

| | |
|---|---|
| **TARIKH TAWARAN** | **5 MAC 2023 (AHAD)** |
| **TARIKH TUTUP**<br>**HARI**<br>**MASA** | **6 APRIL 2023**<br>**(KHAMIS)**<br>**12.00 TENGAHARI** |
| **KOD BIDANG** | **221506** |

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

## KENYATAAN TAWARAN

1. Dengan ini adalah dipelawa kepada pihak-pihak yang berminat **untuk menyewa, mengurus dan menyelenggara STADIUM MINI PADANG TERAP**, hak milik Majlis Daerah Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah.

| RUJUKAN FAIL | TAJUK | TARIKH TERIMA PERMOHONAN/ PROPOSAL | HARGA BORANG TENDER | TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK | TARIKH TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|
| MDPT/ PEN/ PGR. MINI STADIUM KN | **SEBUTHARGA – BAGI KOD BIDANG : 221506**<br><br>MENDAFTAR SYARIKAT DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) ATAU PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA (PSM)<br><br>MENYEWA, MENGURUS DAN MENYELENGGARA STADIUM MINI PADANG TERAP, MILIK MAJLIS DAERAH PADANG TERAP. | 5 MAC 2023 (AHAD) | BOLEH MUAT TURUN DARI LAMAN WEB MDPT ATAU BOLEH DIDAPATI DI PEJABAT MDPT DENGAN HARGA RM50.00 | 13 MAC 2023 (ISNIN) | 6 APRIL 2023 (KHAMIS) |

2. Borang Sebut Harga ini akan dikeluarkan dan dijual **mulai 5 Mac 2023. Syarat-syarat asas dan terperinci boleh didapati pada borang Sebut Harga.**

3. Borang Sebut Harga ini boleh dimuat turun melalui **laman web MDPT** atau di pejabat MDPT pada waktu pejabat dengan mengemukakan bayaran **secara Tunai / Online Bank atau Bank Deraf atas nama Majlis Daerah Padang Terap.**

4. Borang Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan bertulis dengan tajuk dan Rujukan Fail di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga Pejabat Majlis Daerah Padang Terap, 06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman sebelum atau pada tarikh tutup berkenaan. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.**

5. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pejabat MDPT di talian 04 – 7866328 / 04 – 7901200 dan No. Faks 04 – 7866639.

**(AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN, AMK., BCK.)**
**Yang Dipertua,**
**Majlis Daerah Padang Terap.**

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**
**MAJLIS DAERAH PADANG TERAP**
**KUALA NERANG KEDAH**

# DOKUMEN
# PROFIL DAN PENILAIAN BANGUNAN
# STADIUM MINI PADANG TERAP
# SERTA
# SENARAI SEMAK FORMAT DOKUMEN

**LOT 1797, BANDAR KUALA NERANG,**
**DAERAH PADANG TERAP,**
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**BAGI MAKSUD *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)**

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

**MAJLIS DAERAH PADANG TERAP**
**06300 KUALA NERANG,**
**KEDAH DARUL AMAN**

**(PELAWAAN MEMBERI CADANGAN)**

Majlis Daerah Padang Terap, Kuala Nerang Kedah Darul Aman mempelawa individu / syarikat yang berkelayakan untuk mengemukakan cadangan "***Request For Proposal***" (RFP) :-

| | |
|---|---|
| No. Rujukan RFP | MDPT/PEN/PGR.MINI STADIUM.KN |
| Skop Kerja | Menyewa, Mengurus dan Menyelenggara Stadium Mini Padang Terap. |
| Syarat Kelayakan | i. Mendaftar Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Pendaftar Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia **(SSM)** atau Pesuruhjaya Sukan Malaysia **(PSM)**.<br>ii. Mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dan masih sah bagi Kod Bidang : **221506 (Perkhidmatan/ Penyewaan Dan Pengurusan/ Bangunan Pejabat/ Stor/ Ruang Niaga/ Rumah Kediaman.**<br>iii. Petender atau wakil yang sah sahaja hendaklah mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputra (jika ada) dan menyerahkan satu Salinan untuk simpanan Majlis Daerah Padang Terap.<br>iv. Membeli dokumen dan Berdaftar Pembekal dengan Majlis Daerah Padang Terap (MDPT). (perlu mengemukakan Salinan resit berkaitan dalam dokumen permohonan).<br>v. Tidak mempunyai tunggakan sewa dengan Majlis Daerah Padang Terap.<br>vi. Tidak diisytihar muflis<br>vii. Berdaftar kontraktor dengan Majlis Daerah Padang Terap.<br>viii. Memenuhi semua syarat dalam syarat-syarat am serta pra syarat RFP. |
| Tarikh Taklimat dan Lawat Tapak | 13 Mac 2023 (Isnin)<br>Masa : 11.00 Pagi<br>Tempat : Stadium Mini Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah. |

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

| | |
|---|---|
| Pra-Syarat RFP | i. Petender DIWAJIBKAN menghadiri taklimat yang diadakan.<br>ii. Dokumen tawaran RFP boleh diperolehi dengan bayaran **RM 50.00 senaskah daripada Majlis Daerah Padang Terap, Kedah Darul Aman mulai 5 Mac 2023 (Ahad).**<br>iii. Hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai lain selain daripada penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.<br>iv. Modal berbayar syarikat : **Minimum RM 50,000.00**<br>v. Petender mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang pengurusan Harta samada Aset Harta Tanah Khas atau Bangunan (aset tidak alih yang lain) keutamaan kepada pengurusan Stadium Mini tempatan dalam negara atau luar negara.<br>vi. Segala kos berkaitan adalah tanggungan Syarikat/Agensi dan tidak boleh dituntut kepada MDPT atas apa jua sebab musabab. |
| Tarikh Tutup Penghantaran Dokumen RFP | 6 April 2023 (Khamis)<br>Jam 12.00 Tengahari |
| Tarikh Pembentangan Proposal | 11 April 2023 (Selasa) |
| Tarikh Dokumen dijual | Jualan dokumen dibuka kepada Petender mulai 5 Mac 2023. Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. |
| Harga Dokumen Dijual | RM50.00 |
| Syarat Penghantaran Dokumen | i. Penghantaran Dokumen Tawaran RFP dalam bentuk ***hardcopy*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor RFP, Nama Tender, dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di Majlis Daerah Padang Terap, 06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman.<br>ii. Petender boleh menggunakan perkhidmatan kurier untuk penghantaran dokumen Petender. Petender dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Tender yang disediakan oleh Majlis Daerah Padang Terap dengan ejen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan.MDPT tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen Petender.<br>iii. Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap Tidak Berjaya.<br>iv. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia, Bahagian Pengurusan Harta MDPT **ditalian 04-7866328.** |

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

## KANDUNGAN PROFIL DAN PENILAIAN HARTA TANAH

1.0 PENDAHULUAN

2.0 LOKASI HARTA TANAH

3.0 KETERANGAN HAKMILIK

4.0 PEMBANGUNAN SEKITAR

5.0 KETERANGAN HARTA TANAH – STRUKTUR BINAAN

6.0 KEMUDAHAN ASAS DAN PERKHIDMATAN AWAM

7.0 MAKLUMAT PERANCANGAN

## PENENTUAN NILAIAN PASARAN HARTANAH STADIUM MINI PADANG TERAP

1.0 ASAS PENILAIAN

2.0 KAEDAH PENILAIAN

3.0 PENDAPAT NILAIAN

## FORMAT DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN

## SYARAT-SYARAT AM

## LAMPIRAN :

| | | |
|---|---|---|
| LAMPIRAN A | - | Pelan Lokasi |
| LAMPIRAN B | - | Pelan Jurukur |
| LAMPIRAN C | - | Pelan Bangunan |
| LAMPIRAN D | - | Gambar Harta Tanah |

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

**PROFIL BANGUNAN STADIUM MINI PADANG TERAP, BANDAR KUALA NERANG, DAERAH PADANG TERAP, KEDAH DARUL AMAN**

---

## 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Bangunan Stadium Mini Padang Terap Kuala Nerang ini telah dibina dalam tahun 2003 oleh MR. MADANI CONTRUCTION di bawah peruntukan BP.1 dengan kos RM1,079,575.50. Pada tahun 2010 dan 2014 MDPT telah membelanjakan sebanyak RM192,000.00 dibawah peruntukan projek tahap untuk program naik taraf bangunan selepas premis ini mengalami kerosakan berpunca daripada perbuatan vandalism. Yang terkini dalam tahun 2020 dibawah program naik taraf, Pejabat Daerah Padang Terap (PDPT) telah membelanjakan sebanyak RM200,000.00.

1.2 Harta tanah ini melibatkan keluasan tapak seluas 1.874 Ha (18,740 meter persegi) untuk menampung padang bola dan bangunan yang dilengkapi tempat duduk penonton (*Grand Stand*), ruang pejabat, ruang serbaguna dan bilik air.

## 2.0 LOKASI HARTA TANAH

Lot subjek terletak bersebelahan dengan Taman Sri Kenangan; off Jalan Pokok Sena – Kuala Nerang iaitu kira-kira 2.8 km dari Bandar Kuala Nerang. Jalan Utama untuk sampai ke lot subjek dari Bandar Kuala Nerang ialah melalui Jalan Pokok Sena – Kuala Nerang dan seterusnya melalui jalan susur bertar melalui Taman Sri Kenangan.

*Sila rujuk Pelan Lokasi di* ***Lampiran A***

## 3.0 KETERANGAN HAKMILIK

Butiran keterangan tanah adalah berdasarkan Pelan Jurukur yang diterima daripada pihak Syarikat Jurukur Muammar seperti berikut :-

| | |
|---|---|
| Lot No | : 1797 (Lot Asal 1288) |
| No. Hakmilik | : Status Tanah Kerajaan (Permohonan tanah telah dibuat oleh MDPT pada 16 Mac 2016) |
| Bandar | : Kuala Nerang |
| Daerah | : Padang Terap |
| Luas | : 1.874 Ha (18,740 meter persegi) |
| Cukai Tanah | : - |
| Taraf Pegangan | : - |
| Kawasan Rezab | : - |
| Kategori Tanah | : Tanah Lapang dan Rekreasi |

*Sila rujuk salinan Pelan Jurukur di* ***Lampiran B***

## 4.0 PEMBANGUNAN SEKITAR

Pembangunan persekitaran lot subjek adalah pembangunan bercampur yang terdiri daripada perumahan, institusi, perdagangan dan pertanian.

Umumnya ke arah utara, selatan dan timur lot subjek terdapat kawasan perumahan, institusi dan unit-unit kedai. Manakala ke arah barat pula terdapat kawasan pertanian, Taman Belimbing, Pejabat Pendidikan Daerah, Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Nerang, Kolej Mara dan Giat Mara Kuala Nerang.

Antara skim perumahan yang berdekatan ialah Taman Sri Kenangan, Taman Desa Kenangan, Taman Belimbing Indah, Taman Pelangi, Taman Bersatu, Taman Cemara, Taman Desa Sapura, Taman Sri Nerang dan Taman Kemangi. Manakala perkampungan yang terdekat pula adalah Kampung Baru dan Kampung Bendang.

Bandar Kuala Nerang ialah penempatan yang paling hampir di mana ia menjadi pusat pentadbiran dan komersial setempat bagi Daerah Padang Terap.

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

## 5.0 KETERANGAN HARTA TANAH – STRUKTUR BINAAN

Lot subjek ialah Bangunan Mini Stadium Kuala Nerang yang terdiri daripada :

i) Kawasan padang bola
ii) Ruang pejabat, stor, bilik persalinan dan tandas
iii) Kawasan *grand stand*
iv) *Paver area* (kawasan bata blok)
v) Kawasan bertar
vi) Tempat letak kereta bertar

Keterangan ringkas mengenai kemasan keseluruhan Bangunan Mini Stadium adalah seperti berikut :-

| JENIS BANGUNAN | BANGUNAN MINI STADIUM |
|---|---|
| Kemasan :<br>i) Struktur<br>ii) Bumbung<br>iii) Siling<br>iv) Dinding<br>v) Lantai | <br>Konkrit<br>*Metal Deck*<br>Asbestos/ Tiada bagi kawasan *Grand stand*<br>Bata lepaan<br>Simen/ *Tiles* |
| Keadaan Struktur | Baik |
| Keadaan Bangunan | Sederhana baik |

Pada masa ini bangunan Stadium Mini Padang Terap ini telah disewakan secara bulanan kepada KELAB BOLASEPAK KN KIARA dan beroperasi sebagai perkhidmatan Stadium Mini. Secara keseluruhannya, keadaan bangunan adalah baik. Kesemua struktur bangunan berkenaan diselenggara dengan baik.

Sila Rujuk Pelan Bangunan di **Lampiran dan**
Gambar Harta Tanah **di Lampiran**

## 6.0 KEMUDAHAN ASAS DAN PERKHIDMATAN AWAM

Kemudahan air, elektrik dan talian komunikasi telah disambungkan ke harta tanah ini. Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas dan teksi boleh diperolehi di sepanjang jalan Pokok Sena – Kuala Nerang

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

| BIL | UTILITI | PEMBEKAL |
|---|---|---|
| 1 | Elektrik | Tenaga Nasional Berhad |
| 2 | Air | Syarikat Air Darul Aman (SADA) |
| 3 | Telefon | Telekom Malaysia ™ |

Jaringan jalan raya di persekitaran adalah baik, yang mana ia berupaya menghubungkan harta tanah subjek dengan kawasan-kawasan lain.

## 7.0 MAKLUMAT PERANCANGAN

Harta Tanah Stadium Mini ini terletak di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Padang Terap. Berdasarkan semakan yang dibuat, harta tanah subjek dizonkan untuk kegunaan tanah lapang dan rekreasi (Mini Stadium). Kegunaan sedia ada adalah selaras dengan perancangan yang dibenarkan.

# PENENTUAN NILAIAN PASARAN HARTANAH STADIUM MINI PADANG TERAP

## 1.0 ASAS PENILAIAN

Nilaian adalah berasaskan kepada Nilai Pasaran Bangunan Mini Stadium

Definisi nilai pasaran mengikut Malaysian Valuation Standards adalah seperti di bawah berikut :-

***"Market Value is the estimated amount for which an asset should exchange on the date of valuation between a willing buyer and a willing seller in an arm's-length transaction after proper marketing wherein the parties had each acted knowledgeably, prudently and without compulsion"***

## 2.0 KAEDAH PENILAIAN

Bagi menentukan nilai pasaran untuk lot subjek kaedah kos telah digunakan. Kaedah kos merujuk kepada **kos perolehan tapak dan kos membina bangunan** yang terdapat di atas tapak tersebut. Tetapi bagi maksud nilaian ini hanya nilaian Bangunan Stadium Mini sahaja diambilkira.

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

## 3.0 PENDAPAT NILAIAN

Setelah mengambilkira semua faktor yang mempengaruhi nilai, nilai pasaran yang berpatutan dan munasabah bagi **Bangunan Stadium Mini Padang Terap** pada tarikh **1 Januari 2023** ialah **RM1,800,000.00.**
**(Ringgit Malaysia : Satu Juta Lapan Ratus Ribu Sahaja)**

**Nota :**

i) Nilaian ini hanya melibatkan Bangunan Mini Stadium sahaja
ii) Nilaian tanah tidak diambilkira

| **a) Nilai Pasaran Semasa** | |
|---|---|
| Nilai Pasaran Tanah | - |
| Nilai Pasaran Bangunan | RM 1,800,000.00 |
| **(Ringgit Malaysia : Satu Juta Lapan Ratus Ribu Sahaja)** | |

| **b) Nilai Sewa** | |
|---|---|
| Nilai Sewa Bulanan | RM 4,500.00 Sebulan |
| Nilai Sewa Tahunan | RM 54,000.00 Setahun |
| **(Ringgit Malaysia : Lima Puluh Empat Ribu Sahaja)** | |

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

LAMPIRAN A




*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

LAMPIRAN B

TAJUK

PELAN PERMOHONAN TANAH KERAJAAN
DI ATAS LOT 1797 ( ASAL LOT 1288 )
SEKSYEN 2, BANDAR KUALA NERANG
DAERAH PADANG TERAP
NEGERI KEDAH

PELAN KUNCI




PELAN LOKASI




NOTA :

PERENGGAN LOT ASAL
PERENGGAN LOT BARU YANG DICADANGKAN

PB PAIP BARU
pKB PAKU KONKRIT BARU

1. SEMUA UKURAN DALAM UNIT METER.
2. SEMUA UKURAN DALAM PELAN INI ADALAH SECARA KASAR SAHAJA DAN AKAN BERUBAH SEDIKIT SETELAH UKURAN MUKTAMAD DILAKSANAKAN. SEMUA UKURAN INI DISEMPURNAKAN OLEH JURUKUR MUAMMAR JURUKUR BERTAULIAH YANG DILESENKAN DI BAWAH AKTA 458 (DISEMAK 1991)




PENGARAH TANAH DAN GALIAN

PENTADBIR TANAH

PEMOHON

MASRANKAMIL BIN NOH, BCK.
Setiausaha
Majlis Daerah Padang Terap
06300 Kuala Nerang
Kedah Darul Aman

JURUKUR BERLESEN

Jurukur Muammar
Licensed Land & Engineering Surveyors
Land Development Consultants
No.A16, Tingkat 1, Jalan Penaga 1, Taman Penaga
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.
Tel./Fax. : 04-4315634
E-mail : jurukur.muammar2012@gmail.com

MU'AMMAR BIN MUSTAPA
LAND SURVEYOR LICENSED UNDER ACT 458 (REVISED 1991)

| | |
|---|---|
| DI UKUR OLEH : | TARIKH : |
| DI LUKIS OLEH : SABRI | TARIKH : 28 DISEMBER 2015 |
| DI LULUS OLEH : MU'AMMAR | TARIKH : 28 DISEMBER 2015 |

NO. PELAN : JUM/KEJ/TK/MDPT/2015/50-STADIUM

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*



UPPER FLOOR PLAN



GROUND FLOOR PLAN

**KEMASAN BANGUNAN :**

| | | |
|---|---|---|
| JENIS BANGUNAN | : | 2 tkt kekal |
| BUMBUNG | : | *Metal Deck / Flat Roof* |
| SILING | : | asb |
| DINDING | : | blp |
| LANTAI | : | tile/smn |
| KEADAAN BGN | : | Baik |

**KELUASAN BANGUNAN :**

**BANGUNAN IBU**

| | | |
|---|---|---|
| 36.00 x 6.80 | = | 244.80 mp |
| | | **244.80 mp** |

**BANGUNAN SOKONGAN TERES**

| | | |
|---|---|---|
| A 2(40.00 x 2.00) | = | 160.00 mp |
| B 2(2.00 x 6.8) | = | 27.20 mp |
| Tg 2(7.00 x 1.20) | = | 16.80 mp |
| 2 (1.5 + 0.5)0.5 x 2.9 | = | 5.80 mp |
| | | 209.80 mp |

**GRAND STAND**

| | | |
|---|---|---|
| C 36.00 x 8.80 | = | 316.80 mp |
| 2 (1.5 + 0.5)0.5 x 2.90 | = | 5.80 mp |
| | | 322.60 mp |

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

LAMPIRAN D











*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

Lampiran 'A'

**FORMAT DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN**

Pihak syarikat perlu melengkapkan dokumen seperti dalam senarai semak ini untuk pertimbangan Majlis Daerah Padang Terap. Senarai semak berkaitan adalah seperti berikut :-

1. **Profil Syarikat**

Profil Syarikat yang diberikan mestilah lengkap dan mempunyai butiran wajib seperti berikut ;

a) Nama Syarikat ☐

b) **Daftar Syarikat (SSM) & Kewangan atau Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PSM)** ☐

c) Alamat ☐

d) Telefon dan Fax ☐

e) Senarai Pemegang Saham ☐

f) Ahli Lembaga Pengarah ☐

g) Modal Berbayar ☐

h) Kemampuan Syarikat : ☐
**i. Bukti kewangan termasuk penyata Bank 3 bulan terkini ('*Source Of Funds*')**

i) Pengalaman Syarikat ☐

j) Lain-lain yang berkaitan ☐

k) Kertas Kerja hendaklah bersaiz A4 ☐

2. **Kertas Cadangan**

Kertas cadangan yang lengkap mestilah mempunyai keterangan/ analisis seperti di bawah ;

a) Analisis Pasaran ☐

b) Analisis Teknikal dan Cadangan Reka Bentuk Projek/ Interior Design ☐

c) Analisis Alam Sekitar ☐

d) Analisis Kewangan ☐
**(Nilai Projek) termasuk GDV/Timeline)**

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

e) Analisis Ekonomi ☐

f) Analisis Sosial ☐

g) Analisis Organisasi dan Sumber Manusia ☐

h) Harga tawaran sewaan kepada MDPT ☐
***(Harga tawaran sewaan perlu ≥ RM 4,500.00 Sebulan)***

i) Salinan pembelian dokumen dan pendaftaran pembekal dengan MDPT ☐

j) Lain-lain cadangan ☐

**NOTA BAGI KRITERIA / OBJEKTIF :**

1. **Jumlah Bilangan Penerima Faedah**
Menunjukkan jumlah bilangan penerima faedah secara langsung daripada pelaksanaan projek.

2. **Daya Maju Kewangan**
Ini berasaskan faedah kewangan diperoleh penerima faedah langsung atau agensi pelaksana.

3. **Daya Maju Ekonomi**
Ini berasaskan faedah ekonomi diperoleh Majlis/ Negeri/ Negara (Penggunaan sumber, pekerjaan dan lain-lain)

4. **Daya Maju Sosial**
Ini berasaskan faedah sosial - pembasmian kemiskinan, agihan pendapatan, kemudahan asas dan lain-lain.

5. **Impak Alam Sekitar**
Ini berasaskan impak alam sekitar dari projek - sama ada negatif, positif atau neutral.

6. **Keupayaan Melaksana**
Berasaskan pertimbangan terhadap keupayaan agensi melaksana projek mengikut masa yang ditentukan.

7. **Keupayaan Tanggung Kos**
Berasaskan pertimbangan kelestarian projek selepas pelaksanaan - sama ada cukup sumber membiayai kos operasi dan penyelenggaraan.

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*

**SYARAT – SYARAT AM** :

1. Sewaan

   - Tiada apa – apa isu kewangan serta apa – apa terma perjanjian penyewaan sediada yang berbangkit dengan Majlis Daerah Padang Terap

2. Menghadiri taklimat tapak

   - Bersedia untuk hadir mendengar, mengumpul dan mengambil maklum serta membuat lawatan tapak semasa hari lawatan tapak diadakan

3. Sekiranya layak dipertimbangkan, syarikat perlu membentangkan kertas kerja kepada pihak MDPT

   - Pembentangan proposal secara perform oleh petender akan dinilai dan dipertimbangkan berdasarkan fakta – fakta yang telah disenaraikan dalam Lampiran Senarai Semak

   - Lain-lain fakta khas yang memberi nilai tambah (kelebihan) kepada petender.

4. Segala kos adalah tanggungan sendiri dan tidak boleh dituntut kepada pihak MDPT.

5. Pihak MDPT tidak terikat dan berhak untuk melantik / menerima mana – mana kertas cadangan.

6. Kertas cadangan yang mana tidak mengikut seperti format Lampiran 'A' akan ditolak.

*Catitan: Untuk kegunaan pihak yang memohon sahaja.*
*Tidak boleh dipinjam, diedar atau disalin tanpa izin terlebih dahulu daripada Jabatan ini.*